

10 OCT 1996

INTIPATI UCAPAN PRESIDEN UMNO

Presiden Umno Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata Jawatankuasa Disiplin dan Pengurusan Umno dan Jawatankuasa Khas Pemilihan parti tahu siapa calon-calon yang aktif berkempen, menggunakan nama beliau dan timbalannya Datuk Seri Anwar Ibrahim, bahkan menghulurkan wang untuk mendapatkan sokongan.

Kemenangan mereka tidak menjamin tindakan tidak akan diambil terhadap mereka kemudian apabila bukti mencukupi diperolehi manakala anggota perwakilan "yang ke sana ke sini meminta itu dan ini", juga akan dikenakan tindakan disiplin walaupun pemilihan sudah selesai, katanya ketika merasmikan Perhimpunan Agung Umno hari ini.

+ Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata Umno terpaksa mengambil tindakan luar biasa melarang kempen bagi pemilihan bagi memastikan parti itu terus wujud dan kukuh kerana Umno terlalu penting bagi orang Melayu dan Bumiputera, jauh lebih penting daripada tujuan memberi seseorang jawatan tinggi dan memerintah dan membangunkan negara.

Umno adalah suatu gerakan reformasi bangsa Melayu dan Bumiputera dan sama ada orang Melayu dapat menebus maruahnyanya atau tidak, bergantung kepada reformasi budaya yang telah dan akan dibawa oleh Umno.

"Jika Umno gagal membawa reformasi ini maka bangsa kita, Melayu terutamanya bersama Bumiputera lain akan kembali dihina dan diperhambakan," katanya.

+ Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata prestasi negara khususnya orang Melayu dan Bumiputera dalam pengurusan ekonomi dan perniagaan belum sampai ke puncak dan tahap yang boleh menjamin ia dapat dikekalkan tanpa diawasi dan dipelihara oleh Umno dan kerajaan pimpinan parti itu.

"Banyak lagi yang perlu dibuat terutama dalam pembentukan budaya dan sifat-sifat yang mampu menangkis dan menahan serangan... Tamadun Melayu/Bumiputera baru mesti dibentuk dan dijayakan oleh Umno," katanya.

+ Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata kefahaman dan pegangan terhadap agama Islam harus ditekankan kepada nilai-nilai mulia dan bukannya rupa bentuk semata-mata agar kemewahan hasil perindustrian dan penghijrahan dari kampung ke bandar tidak menimbulkan masalah sosial.

Katanya masalah keruntuhan akhlak dan gejala seperti penyalahgunaan dadah, bohsia, mendera anak dan membuang anak banyak membabitkan orang Islam.

"Tentu ada sesuatu yang tidak kena dalam didikan akhlak yang dikatakan berasas kepada agama," katanya.

+ Datuk Seri Dr Mahathir berkata budaya "membalas budi" kepada penyokong-penyokong ahli politik akan menghancurkan bangsa, agama dan negara.

Pemimpin yang korup tidak akan berhenti setakat membalas budi orang yang menolong mereka sahaja, lambat-laun mereka akan menjual pengaruh dan kuasa mereka untuk memperkaya diri sendiri, katanya.

Ada anggota Umno berpendapat apa gunanya kuasa jika tidak digunakan untuk menolong kawan dan keluarga tetapi Dr Mahathir mengingatkan fahaman dan amalan seperti ini jika dibiarkan akan menjuruskan kepada hidup subur budaya rasuah.

+ Dr Mahathir berkata Umno memerlukan pemimpin yang komited kepada perjuangan reformasi budaya Melayu Baru dan Bumiputera lain, yang sanggup mengorbankan diri kerana sayangkan bangsa, agama dan negara.

Katanya pemimpin Umno mestilah terdiri daripada mereka yang berkualiti

tinggi, bersih daripada rasuah dan kepentingan diri dan mereka yang komited kepada perjuangan reformasi itu.

Beliau mahu perwakilan "menolak dan menumbangkan" semua calon yang menghulurkan rasuah dalam apa jua bentuk termasuk mereka yang melanggar arahan berkempen tanpa mengira kawan atau rakan sebelum mereka menumbangkan parti. -- BERNAMA

ZKS MAI NMO